



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 24 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NO RESTRICTIONS ON FOOD SUPPLY CHAIN, DAILY EKSPRESS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	BEKALAN MAKANAN DIJAMIN CUKUP: ISMAIL SABRI, NASIONAL, BH -4	

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/3/2020	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

No restrictions on food supply chain



KUALA LUMPUR: Agriculture, livestock breeding, fisheries and aquaculture activities are allowed to continue operating during the implementation of the Movement Control Order (MCO) to ensure adequate supply of meat, vegetables, fruits and fish in the country. Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang in a statement today said that the approval was also given to logistics and transportation services that support food supply and marketing chains including agricultural inputs and livestock feed.

"This is to ensure that the supply of essential and critical products produced by farmers, fishermen and breeders reach consumers in a timely manner and perfect condition.

"However, they must comply with the precautionary measures stipulated by the Ministry of Health," he said.

Kiang added the allowance was also given to premises and factories that support the related food supply chain and defined as critical but with minimum staffing.

"The industry must also to play its part to ensure implementation of proper screening and precautionary measures are in place to safeguard employee and customer against Covid-19," he said.

For further inquiries, the public can contact the COVID-19 crisis monitoring room at hotline 03 - 8870 1307/1663/1664 or email it to bilikgerakan@moa.gov.my

Headline	Bekalan makanan dijamin cukup: Ismail Sabri		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Mar 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	4	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,437



Penularan COVID-19

Bekalan makanan dijamin cukup: Ismail Sabri

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi jaminan bekalan makanan untuk keperluan rakyat adalah lebih daripada mencukupi bagi tempoh dua minggu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata sektor membabitkan industri makanan juga dibenarkan beroperasi termasuk nelayan yang tidak ada halangan ke laut dan pekebun sayur yang dibenarkan ke kebun.

"Selain itu, kenderaan untuk mengangkut produk makanan juga dibenarkan bergerak seperti biasa," katanya yang juga Menteri Pertahanan pada sidang media yang disiarkan secara langsung, semalam.

Mengenai bantuan makanan untuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang tidak pulang ke kampung, beliau memaklumkan, kerajaan akan menanggung sepenuhnya bantuan makanan untuk 74,530 pelajar yang kini menginap di kolej kediaman sepanjang tempoh perintah berkenaan.

Beliau berkata, bantuan itu bukan hanya membabitkan pelajar di IPT awam, tetapi juga IPT swasta, Institut Pendidikan Guru (IPG), Kolej Komuniti serta Kolej Matrikulasi, membabitkan peruntukan sebanyak RM12 juta dengan cara agihan ditentukan pihak IPT dan kolej masing-masing.

"Kita serahkan kepada pihak universiti dari segi agihan dan

sama ada dia (pelajar) boleh guna kupon atau beli di gerai dan kafe, terserah kepada IPT. Kerajaan akan menanggung sepenuhnya makanan mereka. Bantuan ini selama 11 hari sehingga tempoh PKP berakhir 31 Mac ini," katanya.

Sementara itu, katanya, golongan penoreh masih dibenarkan bekerja seperti biasa, manakala pusat pembelian getah yang tutup ketika pelaksanaan perintah kawalan diarah beroperasi semula bagi membantu penoreh menjual hasil.

"Jika ada pihak pusat pembelian getah berdegil dan tidak mahu membuka semula operasi mereka, tindakan akan diambil menerusi kementerian berkaitan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau meminta pengusaha stesen minyak menyediakan cecair pembasmi kuman atau pembersih tangan di semua pam minyak masing-masing berikutan kebimbangan pengguna terhadap jangkitan COVID-19.

Ismail Sabri berkata, ramai yang meminta stesen minyak menambah pekerja untuk membantu pelanggan mengisi minyak kerana kebimbangan penularan jangkitan, namun kerajaan berpandangan saranan itu sukar untuk dilaksanakan ketika ini.

"Kita berpandangan lebih baik mewajibkan stesen minyak menyediakan 'hand sanitizer' dan setiap pemandu perlu mencuci tangan sebelum dan selepas mengisi minyak," katanya.